

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.BHG. DATUK WIRA HAJI AHMAD
BIN HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH BAHAS : 8.3.2016 (SELASA)
NO. SOALAN : 23

Y.BHG. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyak pelabur asing membawa wang masuk (FDI) dan berapa banyak pula dibawa keluar dari Malaysia pada tahun 2014 dan 2015. Apakah usaha untuk menyekat pengaliran keluar wang masuk (FDI) yang besar itu.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2015, statistik Imbangan Pembayaran oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah merekodkan jumlah aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM123.4 bilion. Ianya merupakan peningkatan sebanyak 10.1 peratus dari aliran masuk FDI yang dicatatkan pada tahun 2014, iaitu sebanyak RM112.1 bilion.

Bagi tempoh tersebut, sektor-sektor yang menerima jumlah aliran masuk FDI tertinggi adalah:

- pembuatan sebanyak RM69.1 bilion;
- perkhidmatan sebanyak RM36.2 bilion; dan
- perlombongan sebanyak RM18 bilion.

Manakala, jumlah aliran keluar modal asing dalam tahun 2015 adalah sebanyak RM83.9 bilion, meningkat sebanyak 9.2 peratus dari jumlah aliran keluar yang dicatatkan pada tahun 2014, iaitu RM76.8 bilion.

Perbezaan di antara pengaliran modal keluar dan masuk ini telah menjadikan Malaysia berjaya meraih pengaliran masuk bersih pelaburan asing sebanyak RM39.5 bilion. Jumlah bersih ini adalah lebih tinggi sebanyak 11.9 peratus, berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014, di mana Malaysia berjaya mencatatkan jumlah FDI bersih sebanyak RM35.3 bilion.

Data tersebut jelas menunjukkan bahawa meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan bagi pelaburan asing.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai usaha dan langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan sasaran pelaburan asing ke Malaysia terus tercapai. Antaranya adalah:

- Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah distruktur semula dan diberi mandat untuk membuat keputusan secara *real time* ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;

- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- Meliberalisasikan subsektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan;
- Memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;
- Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan bertujuan untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan.
- Menawarkan galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri yang strategik, industri baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, elektronik termaju, bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan

- Menambahbaik sistem penyampaian Kerajaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

Selain itu, pihak pembangunan wilayah koridor ekonomi juga memainkan peranan penting untuk mempromosikan pelaburan asing ke dalam negara dengan menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dengan aktiviti di koridor-koridor di bawah bidang kuasa mereka.

Di samping itu, untuk menggalakkan lagi pelaburan semula dijalankan oleh syarikat-syarikat di dalam sektor pengilangan dan pertanian di negara ini, Kerajaan di bawah Bajet Tahun 2016 menawarkan insentif baharu Elaun Pelaburan Semula. Insentif ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang layak, yang mempunyai Elaun Cukai Pelaburan Semula yang telah tamat tempoh atau hampir tamat dalam tempoh 2016-2018. Usaha ini secara tidak langsung akan terus memastikan aktiviti pelaburan dalam negara tidak terencat.

Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia bagi menangani cabaran ekonomi semasa dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.